

## Hak, nasib OKU jadi keutamaan

**KUALA LUMPUR 4 Dis.** – Malaysia berada di barisan hadapan dalam membela hak dan nasib golongan orang kurang upaya (OKU) di negara ini selaras dengan tuntutan peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Hari Orang Kurang Upaya Sedunia yang berlangsung semalam turut meletakkan sasaran menggalakkan hak-hak dan kesejahteraan golongan OKU.

“Pada tahun hadapan, kerajaan akan meningkatkan elaun OKU bekerja, elaun OKU yang tidak bekerja begitu juga penjaga

OKU dengan kadar RM50 sebulan,” katanya dalam akaun Twitter di sini, hari ini.

Oktober lalu, Najib dalam pembentangan Bajet 2018 di Parlimen mengumumkan elaun OKU yang bekerja, tidak bekerja dan penjaga OKU dinaikkan sebanyak RM50 sebulan untuk dimanfaatkan oleh 163,000 orang dengan peruntukan RM100 juta.

Elaun-elaun berkenaan adalah sebahagian daripada peruntukan RM1.7 bilion untuk meningkatkan kebijikan kepada warga emas, OKU dan kanak-kanak menerusi Bajet 2018.